

<input checked="" type="checkbox"/> KOSMO
Tarikh: 1/7/2011
Hari: <i>Minggu</i> M/S: 59
Ruangan: <i>Sukan</i>

UPM dinobatkan sebagai juara Karnival Sukan Masum 2011

Oleh FARHANA HANIM MOHD. MYDIN
farhana.mydin@kosmo.com.my

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) dinobatkan selaku juara keseluruhan Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (Masum) 2011 yang menutup tirainya semalam.



Daripada 19 acara yang dipertandingkan bermula 18 Jun lalu pada Fasa I, kontinjen tuan rumah itu muncul juara dalam acara badminton lelaki dan wanita, bola tampar wanita, tenpin boling lelaki dan wanita, hoki, olahraga serta skuasy wanita.

Bagi Fasa II pula yang bermula 25 Jun lalu, UPM unggul dalam acara bola keranjang wanita, karate dan memanah lelaki.

Kejayaan tersebut menyaksikan UPM mengumpul 72 pingat emas, 29 perak dan 30 gangsa.

Berada jauh di kedudukan kedua dengan jumlah pingutan 46 emas, 47 perak dan 39 gangsa ialah Universiti Teknologi Mara (UiTM), manakala Universiti Malaysia (UM) pula berada di tangga ketiga dengan 19 emas, 30 perak dan 24 gangsa.

Majlis penutup Karnival Sukan



RADIN (tengah) menyampaikan trofi kejuaraan dan piala pusingan Masum 2011 kepada wakil UPM di Panggung Percubaan, Dewan Besar UPM, Serdang semalam.

Masum itu semalam dirasmikan oleh Naib Canselor UPM, Datuk Dr. Radin Umar Radin Sohadi di Panggung Percubaan, Dewan Besar UPM, Serdang.

Hadir sama pada majlis itu ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof. Dr. Mohd. Fauzi Ramli; Timbalan Pengerusi II Masum, Prof. Dr. Yahya Ibrahim dan Ketua Pusat Su-

kan UPM, Hamzah Ismail.

Berucap pada majlis tersebut, Radin berkata, penganjuran Karnival Sukan Masum merupakan medan terbaik bagi semua atlet untuk mengukur kemampuan dan keupayaan masing-masing apabila bersaing pada peringkat lebih tinggi.

"Sejajar dengan hasrat pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) yang menyasar-

kan sebanyak 30 peratus atlet negara dihasilkan oleh IPT, maka penganjuran Karnival Sukan Masum perlu dilihat lebih teliti bagi men capai matlamat ini.

"Malah Pusat Kecemerlangan Sukan yang dipelopori oleh pihak kementerian boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan mutu serta kualiti sesuatu bidang sukan dengan pelbagai pengisian dan per-

Pungutan pingat

	E	P	G	J
UPM	72	29	30	130
UiTM	46	47	39	132
UM	19	30	25	73
UPSI	14	9	9	32
USM	10	16	25	49
UMS	7	9	8	24
UTM	7	4	13	22
UUM	3	17	12	31
UIAM	3	8	11	21
UnisZA	3	4	9	16
UPNM	2	3	6	11
UKM	2	2	6	10
UTHO	1	2	3	6
UNIMAP	1	1	8	10
UMT	1	1	3	5
UMP	0	3	1	4
UnIMAS	0	2	1	3
UTeM	0	1	5	6
USIM	0	1	0	1
UMK	0	0	0	0

kongsian melalui temasya sukan ini," katanya.

Ujarnya lagi, Karnival Sukan Masum harus dilihat dan diktiraf oleh semua pihak sebagai sebuah kejohanan yang bertaraf tinggi berdasarkan objektif dan matlamat serta peranan yang dicetus melalui penganjuran kejohanan itu.

Karnival Sukan Masum 2011 disertai 4,477 atlet dari 20 IPTA seluruh Malaysia.

Selaku tuan rumah, UPM mempertandingkan 12 acara pada Fasa I (18 hingga 24 Jun), manakala tujuh lagi acara berlangsung pada Fasa II (25 hingga 30 Jun).